

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, January 20, 2020 8:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Libat Urus Puji Pengurusan Pelajar Antarabangsa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 JANUARI 2020 / 24 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: CIAC

LAWATAN LIBAT URUS PUJI PENGURUSAN PELAJAR ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima lawatan pasukan libat urus yang diketuai Penolong Pengarah Kanan, Nur Wahidah Harun dari Bahagian Education Malaysia (BEM), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia selama dua hari pada 15 Januari lalu.

Kedatangan delegasi tersebut yang turut disertai wakil dari EMGS dan Universiti Sains Malaysia (USM) itu disambut Pengarah CIAC, Prof. Madya Dr. Badariah Haji Din di Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC).

Beliau berkata, tujuan lawatan tersebut adalah untuk membolehkan penilaian impak dan penambahbaikan kepada prosedur kemasukan pelajar antarabangsa di UUM dapat dikenal pasti dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di universiti ini dan Malaysia.

Sebanyak tujuh (7) kluster telah dinilai iaitu Kluster 1: Pengurusan Pejabat Antarabangsa, Kluster 2: Pemasaran Program Pengajian di UA, Kluster 3: Pengurusan Permohonan dan

Penawaran Pengajian, Kluster 4: Pengurusan Permohonan Visa dan Pas Pelajar, Kluster 5: Pengurusan Kebajikan Pelajar dan Tanggungan, Kluster 6: Pengurusan Penamatan Pengajian Pelajar dan Kluster 7: Pengurusan Alumni Pelajar Antarabangsa.

Selain itu, ia adalah untuk memastikan sama ada perkhidmatan yang ditawarkan oleh UUM kepada pelajar antarabangsa berada di tahap yang cemerlang, seterusnya mencadangkan satu garis panduan standard khusus bagi menambahbaik pengurusan pelajar antarabangsa di UUM.

Sepanjang lawatan delegasi pasukan libat urus, UUM telah menerima komen positif antaranya, sistem pengurusan permohonan visa di kaunter U-Assist akan di bawa ke BEM sebagai '*benchmark*' atau penanda aras kepada universiti awam (UA) lain, sistem pemasaran pada tahun lalu yang baik, laman sesawang mesra pengguna dan pelajar juga tidak menghadapi masalah untuk membuka akaun bank di sini.

Selain itu, perundingan kaunselor yang sistematik dan berupaya menjadi penanda aras kepada UA lain serta prosedur operasi standard (SOP) melibatkan kebajikan pelajar dan pengurusan krisis juga lengkap.

Pasukan libat urus ditubuhkan untuk melaksanakan pemantauan terhadap prosedur pengurusan pelajar antarabangsa di UA bermula daripada permohonan pelajar ke universiti sehingga pelajar menamatkan pengajian.

Ia adalah untuk mengenal pasti prestasi semasa setiap UA dalam mengendalikan pelajar antarabangsa adalah menepati kehendak pelbagai pemegang taruh di Malaysia.

Sesi selama dua hari tersebut turut melibatkan Jabatan Hal Ehwal Akademik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Pusat Alumni dan Pusat Asasi Pengurusan UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.